UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan

Sidang 1990/91

Jun 1991

RMK 252 - Pengantar Pengurusan Projek

Masa : (3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan: SATU soalan daripada Bahagian A dan TIGA soalan daripada Bahagian B.

## Bahagian A

1. Sediakan satu carta garisan seimbang untuk satu sekim perumahan berdasarkan butir-butir berikut:-

| Aktiviti | Jam kerja/unit | Bilangan pekerja setiap aktiviti |
|---|---|---|
| 1. Asas | 100 jam | 4 pekerja |
| 2. Struktur | 300 jam | 8 pekerja |
| 3. Dinding | 150 jam | 4 pekerja |
| 4. Paip | 40 jam | 3 pekerja |
| 5. Elektrik | 50 jam | 2 pekerja |
| 6. Kemasan | 140 jam | 6 pekerja |

- bilangan unit rumah = 50 unit
- kadar output = 4 unit seminggu
- masa perantaraan = 4 hari
- masa kerja 8 jam sehari dan 6 hari seminggu

( 25 markah )

2. Gambarajah A menunjukkan Carta Rentetan bagi sebuah projek. Maklumat-maklumat tentang jumlah pekerja yang diperlukan dan tempoh masa bagi setiap aktiviti ialah seperti yang ditunjukkan dalam Gambarajah A. Berdasarkan carta dan maklumat-maklumat tersebut:

   (i) Penuhkan ruang-ruang kosong dan tandakan aliran kritikal.

(ii) Sediakan Histogram keperluan pekerja berdasarkan masa mula terawal.

(iii) Araskan semula keperluan pekerja-pekerja tersebut.

( 25 markah )

Bahagian B

3. Nyatakan tujuh (7) proses pengurusan yang dikemukakan oleh Fayol dan rakan-rakannya. Bincangkan tiap-tiap satu proses tersebut dan kaitkan dengan Industri Binaan.

( 25 markah )

4. (a) Takrifkan konsep sistem dan kontingensi.

(b) Bincangkan dengan merujuk kepada Industri Binaan, dua belas (12) konsep utama sistem.

( 25 markah )

5. (a) Terangkan pengertian konsep motivasi dan hubungannya dengan kelakuan individu.

(b) Bincangkan teori keperluan hirarki-maslow dalam konteks Industri Binaan pada tahap sebuah projek.

( 25 markah )

6. (a) Terangkan dengan ringkas teori-teori utama yang muncul dalam jangkamasa evolusi teori organisasi dan pengurusan iaitu bermula dari zaman teori tradisional hingga sekarang.

(b) Apakah yang dapat kita pelajari daripada evolusi tersebut?

( 25 markah )

7. (a) Terangkan konsep matlamat organisasi.

(b) Mengapa dan bagaimanakah matlamat itu penting bagi sesebuah organisasi?

(c) Bagaimanakah konsep pencapaian objektif projek dapat dikaitkan dengan organisasi projek?

( 25 markah )

-oooOOooo-




Gambarajah A:    Carta Rentetan bagi sebuah projek

7